

Dr M: Banyak harta Umno telah ghaib

BH 3 - MAY 1983
PELABUHAN KE-
LANG, Isnin — Presiden Umno Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata, ada harta kepunyaan Umno telah hilang dan menjadi milik orang lain.

Katanya, beliau telah menyelidik perkara itu dan mendapati harta itu telah hilang kerana tidak ada lagi bukti menunjukkan ia adalah milik Umno.

"Sejak saya menjadi Presiden Umno, saya telah selidik untuk mengetahui kedudukan harta-harta Umno. Ada yang

ghaib, hilang sama sekali. Ada yang diakui sebagai milik orang lain dan saya tidak ada keterangan untuk menyatakan bahawa ia adalah milik Umno," jelasnya kesal.

Beliau memberi amaran bahawa tidak ada seorang pun yang berhak ke atas harta Umno melainkan semua ahlinya sama ada sekarang dan

yang akan datang.

"Semua harta Umno adalah kepunyaan Umno dan bukan milik pemimpin-pemimpin Umno atau si polan dalam Umno," katanya ketika merasmikan Kompleks Umno Cawangan Pelabuhan Kelang berharga \$2.1 juta di sini, hari ini.

Mengurus

Jelasnya, keadaan ini bukan hanya khusus ke-

pada satu-satu bahagian atau cawangan Umno, tetapi juga Barisan Nasional dan parti-parti anggotanya supaya menadbirkan harta dengan jujur dan penuh amanah.

Beliau mengesakan tidak seorang pun dibenarkan mengurus harta Umno tanpa berlandaskan perlembagaan.

Katanya, walaupun harta itu dimiliki di peringkat cawangan, ia adalah hak semua ahli. Bukan ahli yang ada pada masa ini tetapi juga

yang akan datang.

"Kompleks Ibu Pejabat Umno bukan milik pemimpin-pemimpin Umno tetapi milik semua ahli Umno," tambahnya.

Katanya, perkara harta itu telah menyebabkan timbulnya tohmah dan sungutan ahli-ahli.

Soal harta juga telah dijadikan sasaran lebih dari politik Umno ataupun politik negara.

Oleh itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam menguruskan harta Umno, setiap orang yang dipertanggungjawab menguruskannya mestilah beramanah.

"Amanah telah menjadi slogan sebagaimana juga kepemimpinan melalui teladan. Kalau nak tunjukkan teladan yang baik, mestilah ada amanah," tegasnya.

Katanya, dalam memilih orang-orang yang beramanah untuk memegang harta, mereka juga kadang-kadang hilang amanah.

Oleh itu beliau mengingatkan, setiap harta itu mestilah diuruskan dengan cara Umno.

Datuk Seri Dr Ma-

hathir berkata, suatu hari ini generasi muda Umno akan mengambil alih kepemimpinan parti.

Apabila mereka mewarisi parti itu kelak, Umno adalah harta mereka.

Oleh itu, jelasnya, apa yang diwarisi oleh Umno sekarang bukan dimiliki oleh pemimpin-pemimpin pada masa ini tetapi juga milik mereka yang akan datang.

Beliau bangga kerana pada masa ini Umno berjaya memiliki harta yang banyak.

Tetapi, beliau mengingatkan setiap ahli parti bahawa dalam menguruskan harta sebagai perniagaan, mereka tidak harus lupa tugas dan tanggungjawab kepada politik.

Katanya, Umno diperlukan oleh negara, orang Melayu dan keseluruhan rakyatnya.

Beliau menjelaskan, sekiranya orang-orang Melayu tidak berminat kepada politik, segala-galanya akan gagal dan lumpuh.